

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

### Inisiatif tingkat kemahiran usaha tambah pendapatan

## Inisiatif tingkat kemahiran usaha tambah pendapatan

Inisiatif dan program membabitkan pembangunan modal insan dari segi meningkatkan kemahiran dan memberi semula latihan perlu diperhebatkan bagi membolehkan rakyat mendapat gaji yang lebih tinggi setimpal dengan kemahiran, sekali gus menambahkan pendapatan isi rumah dan kualiti hidup.

Felo Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya, Dr Zulkiply Omar, berkata bukan sesuatu yang menghairankan apabila syarikat bertenologi tinggi berdepan kesukaran mendapatkan pekerja yang berbakat, memandangkan permintaan terhadap pekerja sedemikian amat

tinggi di seluruh dunia.

Malah, katahy, pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran setting itu juga sentiasa ditagih syarikat bertenologi tinggi luar negara.

"Dasar menggalakkan syarikat bertenologi tinggi untuk mengambil pelatih dari universiti tempatan perlu digiatkan. De-

ngan ini ia dapat mengasah bakat pekerja tempatan.

"Akhirnya, produktiviti akan meningkat dan memberi dorongan kepada kenaikan gaji yang seterusnya mampu memarlik lebih ramai pekerja berbakat," katanya kepada BH.

Zulkiply yang juga Profesor Adjung Tun Ahmad Sarji School

of Goverment and Public Services (TASSGPS) Universiti Tun Abdul Razak (UNITRASZAK) berkata, insentif juga boleh digunakan untuk menggalakkan peningkatan kerjasama antara syarikat bertenologi tinggi terutama dari luar negara dengan syarikat tempatan.

Beliau berkata, ia juga mampu menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

#### Inisiatif padanan kerja

Ahli Ekonomi MIDF Research, Abdul Muizz Morhalim, pula berkata satu inisiatif padanan kerja atau program padanan kerja yang lebih berkesan perlu dibuat bagi mencari dan menge-

nal pasti bakat yang sesuai yang sebenarnya boleh diperoleh dari pasaran pekerjaan tempatan.

Beliau berkata, masalah penggajian boleh diperbetulkan dengan memastikan penyediaan maklumat yang jelas mengenai pekerjaan yang ditawarkan agar calon yang sesuai tampil untuk membuat permohonan.

Namun, jika terdapat kekurangan modal insan yang serius, satu bentuk galakan atau insentif bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir yang memepati kehendak industri perlu diperimbangkan agar jurang permintaan dan penawaran dalam pasaran pekerjaan dapat diatasi.

Sementara itu, Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latif, berkata kerjasama antara industri dan pelbagai pihak seperti kerajaan negeri dan persatuan majikan harus diperketakkan supaya isu itu dapat ditangani dengan segera.

Beliau berkata, contoh kerjasama yang terbaik ialah seperti di Pulau Pinang, yang mana Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) mampu memenuhi keperluan industri dengan menyediakan latihan dan pensijilan untuk individu yang bakal menjadi pekerja kepada industri.